



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2011/2012**

- NAMA KURSUS** : HUBUNGAN ETNIK
- KOD KURSUS** : UWS10202/ UMS1122
- PROGRAM** : 1 BBV/BDD/BDM/BEB/BEC/BED/BEE  
BEF/BEH/BEU/BPA/BPB/BPC/BPD  
2 BEE/BIT
- TARIKH PEPERIKSAAN** : JUN 2012
- JANGKA MASA** : 2 JAM
- ARAHAN** : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR YANG  
DISEDIAKAN DENGAN  
MENGUNAKAN PENSIL 2B  
SAHAJA
- B) DILARANG MEMBAWA  
KERTAS SOALAN INI KELUAR  
DARI DEWAN PEPERIKSAAN

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH DUA (22) MUKA SURAT**

- S1** Apakah konsep yang merujuk kepada pengasingan kategori manusia secara biologikal dan fizikal?
- A Ras
  - B Suku
  - C Etnik
  - D Bangsa
- S2** Manakah ciri-ciri ras Mongoloid?
- A Bibir nipis, tinggi dan hidung mancung
  - B Mata besar, bibir tebal dan rambut kerinting
  - C Bentuk muka bersegi, rambut lurus dan hidung sederhana
  - D Hidung kurang mancung, badan kecil dan mata agak kecil
- S3** Pilih istilah yang menggambarkan kenyataan-kenyataan umum yang negatif terhadap sesuatu kumpulan etnik
- A prejudis
  - B stereotaip
  - C etnosentrik
  - D diskriminasi
- S4** Berikut merupakan ciri utama masyarakat **kecuali**
- A berbudaya
  - B berkumpul
  - C mengalami perubahan
  - D mempunyai aturan sosial
- S5** Manakah di antara berikut bukan merupakan ciri-ciri masyarakat pluraliti baru?
- A Pemerintah dan yang diperintah berlainan bangsa dan hidup dalam satu budaya
  - B Bangsa yang berbeza tetapi mempunyai keinginan yang sama seperti keamanan dan kesejahteraan
  - C Satu set nilai, budaya dan politik yang dikongsi oleh masyarakat yang berbeza melalui persetujuan kebangsaan
  - D Pembentukan masyarakat secara semulajadi, tanpa paksaan dan berlaku asimilasi budaya secara sukarela dengan budaya tempatan

- S6** Integrasi adalah merujuk kepada
- A pelaksanaan proses bagi melebarkan jurang dalam kalangan kumpulan terpisah
  - B kaum bercampur tetapi kehidupan berasingan, interaksi terbatas, penuh prasangka serta 'bersama' tetapi 'tidak bersatu'
  - C pelaksanaan proses bagi mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi
  - D sebuah pola yang sangat kompleks mengenai organisasi sosial, ahli-ahlinya saling bergantung dan terdapat satu panduan bagi semua tingkah laku sosial
- S7** Sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik hendaklah diuruskan melalui pendekatan berikut **kecuali**
- A toleransi
  - B chauvanis
  - C perkongsian kuasa
  - D pengagihan ekonomi sama rata
- S8** Etnik atau kaum merupakan konsep yang merujuk kepada suatu kumpulan manusia yang dicirikan oleh
- A perbezaan geografi
  - B persamaan ideologi
  - C perbezaan kebudayaan
  - D penumpuan gen tertentu
- S9** Berikut adalah di antara unsur-unsur tradisi yang dikekalkan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia **kecuali**
- A persamaan hak melibatkan soal agama dan keistimewaan orang Melayu
  - B hak kebebasan bersuara kecuali kedudukan Raja-raja, Islam dan orang Melayu
  - C kedudukan agama Islam, adat istiadat Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak serta kewarganegaraan
  - D kuasa Majlis Raja-raja yang menghalang parlimen menyentuh kedudukan Raja, orang Melayu, Bahasa Melayu dan Islam

- S10** Kontrak Sosial harus dihormati oleh semua etnik di Malaysia **kecuali**
- A teras kestabilan negara
  - B termaktub dalam perlembagaan
  - C merupakan dokumen perjanjian wilayah
  - D dilindungi di bawah Akta Hasutan 1948
- S11** Kedudukan Istimewa Orang Melayu yang menjadi unsur tradisi di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia disebut di dalam Perkara
- A 14
  - B 32
  - C 152
  - D 153
- S12** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep Raja Berperlembagaan?
- A Yang di-Pertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia
  - B Raja atau Sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia
  - C Kuasa dan institusi Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Sultan diwujudkan, dipertahankan dan didasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia
  - D Raja Berperlembagaan adalah warisan sejarah Empayar Kesultanan Melayu Melaka yang dipermodenkan menerusi Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- S13** Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya di dalam perkara berkenaan **kecuali**
- A melantik Perdana Menteri
  - B tidak bersetuju pembubaran parlimen
  - C menjalankan tugas-tugas sebagai raja di negerinya
  - D meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan dan kedudukan raja-raja

- S14** Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip Jus Soli?
- A Etnik imigran boleh menjadi warganegara tanpa sebarang syarat
  - B Semua orang yang lahir di Tanah Melayu diberikan kewarganegaraan
  - C Mereka yang berumur 21 tahun ke atas berhak mendapat kerakyatan secara automatik
  - D Kewarganegaraan automatik diberi kepada mereka yang lahir selepas Malayan Union dan telah menetap selama 10 tahun
- S15** Sejarah penggubalan perlembagaan di Malaysia meliputi semua yang berikut, **kecuali**
- A Perlembagaan Malayan Union [1 Mac 1946]
  - B Perlembagaan Malaysia [16 September 1963]
  - C Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu [31 Ogos 1957]
  - D Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu [1 Februari 1947]
- S16** Pernyataan yang **tidak benar** mengenai konsep keluhuran perlembagaan ialah
- A kuasa kehakiman tertakluk kepada kehendak perlembagaan
  - B parlimen boleh membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang berada di luar bidang kuasanya
  - C Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara mendapat kuasa melalui peruntukan perlembagaan
  - D undang-undang negeri yang bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia dianggap terbatal setakat mana yang bercanggah itu
- S17** Berikut ialah rasional Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Malaysia, **kecuali**
- A Islam dipilih sebagai agama rasmi Malaysia kerana telah bertapak lebih 500 tahun
  - B Islam menjadi agama rasmi empayar Kesultanan Melayu Melaka semasa Sultan Muzaffar Shah (1445-1458)
  - C Islam banyak mempengaruhi pemikiran dan cara hidup orang Melayu sehingga sekarang berbanding agama lain
  - D Agama-agama lain boleh dianuti oleh mana-mana kaum yang tinggal di Malaysia dengan syarat mereka memohon kebenaran untuk menganutinya

- S18** Implikasi peristiwa 13 Mei 1969 adalah seperti berikut **kecuali**
- A Dasar Pecah Perintah
  - B Dasar Ekonomi Baru
  - C pengisytiharan darurat
  - D sistem kerajaan demokrasi berparlimen digantung
- S19** Ekoran berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, darurat telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 Mei 1969 oleh
- A Tunku Abdul Rahman
  - B Majlis Gerakan Negara
  - C Yang Di-Pertuan Agong
  - D Majlis Perundangan Negara
- S20** Kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969 kerajaan telah memperkenalkan \_\_\_\_\_ pada 31 Ogos 1970 yang menekankan perkongsian nilai, identiti dan perasaan kebangsaan
- A Rukun Negara
  - B Rukun Tetangga
  - C Dasar Ekonomi Negara
  - D Rancangan Jangka Panjang Malaya
- S21** Rukun Negara digubal untuk menjadi panduan dalam mewujudkan sebuah negara yang rakyatnya hidup bersatu padu dan harmoni. Organisasi yang terlibat dalam penggubalan Rukun Negara ialah
- A Majlis Perundangan Negara
  - B Majlis Tindakan Perpaduan Negara
  - C Majlis Perundingan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara
  - D Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
- S22** Selepas 13 Mei 1969, dasar ekonomi dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah ekonomi rakyat. Di antara berikut yang manakah **bukan** tindakan yang diambil?
- A Meningkatkan daya pengeluaran
  - B Memodenkan kehidupan luar bandar
  - C Memberi modal kepada orang miskin untuk membuka perniagaan
  - D Mewujudkan peluang pekerjaan bagi semua golongan rakyat yang menganggur

- S23** Berikut ialah pengajaran penting yang diperolehi daripada peristiwa 13 Mei 1969 dalam menjamin hubungan yang sentiasa baik antara kaum di Malaysia, **kecuali**
- A parti politik yang berbentuk perkauman seharusnya dihapuskan
  - B kepentingan hidup bersama dalam pelbagai lapangan kehidupan
  - C mempertahankan demokrasi bagi mewujudkan persamaan dalam kalangan rakyat
  - D mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara bagi menjamin keamanan dan ketenteraman yang berterusan
- S24** Apakah dasar yang telah dilancarkan oleh kerajaan selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum?
- A Dasar Sosial Negara
  - B Dasar Ekonomi Baru
  - C Dasar Pecah dan Perintah
  - D Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- S25** Pilih rancangan pembangunan yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional
- A Rancangan Malaysia Ketiga
  - B Rancangan Malaysia Kelima
  - C Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
  - D Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama
- S26** Berikut merupakan teras di dalam Dasar Wawasan Negara **kecuali**
- A memupuk perpaduan
  - B membasmi kemiskinan
  - C mengukuhkan pembangunan sumber manusia
  - D menggalakkan pembelian barangan buatan tempatan

- S27** Dasar Pembangunan Nasional telah memperkasakan pendekatan pembangunannya menerusi dimensi baru dalam pelan tindakan berikut **kecuali**
- A memulih dan memperbetulkan ketidakseimbangan antara kaum dalam pelbagai sektor
  - B meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat
  - C menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
  - D memberi lebih tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai dan etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama
- S28** Apakah strategi yang digunakan dalam Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dihapuskan?
- A Menambahkan daya pengeluaran menggunakan teknik moden
  - B Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
  - C Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dengan lebih meluas
  - D Membasmi kemiskinan mutlak di samping mengurangkan kemiskinan relatif
- S29** Dalam konteks pembangunan politik, yang manakah **bukan** cabaran besar yang di hadapi oleh Malaysia untuk membina negara bangsa?
- A Migrasi
  - B Penjajahan
  - C Kerjasama intra etnik
  - D Gabungan etnik yang berbeza
- S30** Bilakah parti UMNO yang mewakili kaum Melayu ditubuhkan?
- A Jun 1951
  - B Mei 1946
  - C Ogos 1946
  - D Febuari 1949



- S31** Antara berikut, yang manakah padanan yang **tidak betul** mengenai parti politik di Sarawak?
- A Parti Negara Sarawak (PANAS) – Melayu dan Melanau
  - B Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) – Bajau – Suluk
  - C Sarawak National Parti (SNAP) – Dayak di Skrang - Saribas
  - D Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) – Dayak Lembah Bujang
- S32** Dato' Onn telah meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Malaya Merdeka pada tahun 1951. Mengapakah beliau mengambil langkah tersebut?
- A Dato' Onn berpendapat bahawa perjuangan UMNO terlalu lembab
  - B Dato' Onn berpendapat bahawa orang bukan Melayu berhak menyertai parti politik
  - C Cadangannya untuk membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu ditolak oleh UMNO
  - D Dato' Onn berpendapat bahawa undi orang bukan Melayu memainkan peranan penting dalam politik pada masa itu
- S33** Berikut merupakan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union **kecuali**
- A Majlis Mesyuarat Undangan dan Majlis Kerja ditubuhkan
  - B pentadbiran terletak di bawah tanggungjawab Gabenor British
  - C kerakyatan boleh didapati jika menetap selama 5 tahun hingga 10 tahun di negeri-negeri Selat
  - D Majlis Kerakyatan Negeri ditubuhkan untuk mengendalikan hal-ehwal tempatan
- S34** Apakah penyumbang utama kejayaan kepimpinan negara dalam menyatupadukan pelbagai etnik di Malaysia?
- A Setiap kumpulan etnik turut menyumbang ke arah pembangunan negara
  - B Setiap kumpulan etnik ingin secara harmoni mengatasi perkara-perkara lain
  - C Pemerintahan berdasarkan kehendak majoriti tetapi hak minoriti tetap terjamin
  - D Tahap kepatuhan setiap kumpulan etnik terhadap kepimpinan negara berada pada tahap tertinggi

**S35** Parti X adalah parti terawal yang ditubuhkan di Sarawak dan pucuk pimpinannya dimonopoli oleh Etnik Cina.

Parti X ialah

- A Parti Negara Sarawak (PANAS)
- B Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
- C Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)
- D Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)

**S36** Apakah rasional Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan?

- A Melahirkan masyarakat yang berdaya tahan
- B Mewujudkan pembangunan sumber manusia
- C Membentuk identiti kebangsaan dan perpaduan negara
- D Menerapkan nilai dan amalan positif kepada masyarakat

**S37** Pembinaan bangsa Malaysia yang bersatupadu di dalam Wawasan 2020 boleh diwujudkan berdasarkan pendekatan berikut **kecuali**

- A gambaran rasa bangga mengidentifikasikan diri sebagai warganegara Malaysia
- B pembinaan masyarakat yang bersatupadu berlandaskan penguatkuasaan undang-undang
- C penerimaan Malaysia oleh rakyatnya sebagai tanah air tunggal dengan penuh kesetiaan
- D kerjasama yang komited oleh rakyatnya bagi menjayakan cita-cita negara yang dikongsi bersama

**S38** Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip keluhuran perlembagaan di dalam Rukun Negara?

- A Perlembagaan melahirkan rakyat yang berakhlak mulia
- B Keadilan rakyat dijamin oleh undang-undang dalam perlembagaan
- C Rakyat perlu menghormati dan mematuhi perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi
- D Rakyat mestilah taat setia kepada Raja dan Negara seperti yang termaktub di dalam perlembagaan

**S39** Dasar Kebudayaan Kebangsaan membolehkan proses pembentukan kebudayaan nasional melalui perancangan yang teliti supaya dapat melahirkan cara hidup yang bersifat keMalaysiaan

Apakah kepentingan **utama** Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- A Melambangkan pendemokrasian masyarakat majmuk
- B Memperkenalkan budaya setiap etnik kepada masyarakat
- C Memastikan budaya setiap etnik tidak hilang disebabkan perubahan
- D Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan ke arah perpaduan

**S40** Pada pandangan anda, bagaimana Malaysia boleh mencapai matlamat Wawasan 2020?

- A Peluang ekonomi hanya diberikan kepada kaum Cina sahaja
- B Rakyat pelbagai kaum mengekalkan perpaduan dan keharmonian
- C Golongan cerdik pandai bekerja di luar negara untuk membina kemahiran
- D Ibu bapa hanya menghantar anak-anak mereka ke sekolah beraliran teknologi dan teknikal sahaja

**S41** Pilih pernyataan yang **paling tepat** tentang falsafah Wawasan 2020

- A Menyatupadukan penduduk berbilang kaum di Malaysia
- B Mewujudkan kestabilan politik dan kelicinan pentadbiran kerajaan
- C Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju berasaskan kemajuan ekonomi moden
- D Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju berasaskan ekonomi perindustrian dan membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu

**S42** Penjajah British berusaha untuk menyekat semangat nasionalisme dan kesedaran politik dalam kalangan penduduk Tanah Melayu sejak era awal pemerintahan mereka lagi agar tidak wujud penentangan terhadap pemerintahan mereka

Apakah cara yang **paling berkesan** dilaksanakan oleh British untuk mencapai matlamat tersebut?

- A Menggalakkan pendidikan vernakular
- B Menghalang penubuhan parti politik yang berbilang kaum
- C Hukuman yang keras kepada pemimpin gerakan anti-British
- D Membawa masuk buruh Cina dan buruh India ke Tanah Melayu

- S43** Semua pernyataan berikut merupakan prinsip utama Islam Hadhari **kecuali**
- A kehidupan berkualiti
  - B penguasaan ilmu pengetahuan
  - C pembelaan hak kumpulan majoriti dan wanita
  - D pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif
- S44** Setiap agama di Malaysia berteraskan konsep spiritual yang masing-masing menekankan peraturan, adab dan asas-asas seperti berikut **kecuali**
- A bekerjasama
  - B persefahaman
  - C berkenal-kenalan
  - D mementingkan diri sendiri
- S45** Antara cabaran di dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan dalam usaha menangani pembangunan negara yang semakin pesat, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi
- Pilih cabaran yang **salah**
- A mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang lebih tinggi dan menguruskannya dengan berkesan
  - B menekankan konsep pembangunan yang menekankan aspek kemanusiaan atau pembangunan berorientasikan manusia berasaskan kepada kaum
  - C mengenalpasti dan mengusahakan hasil sumber-sumber pertumbuhan baru di dalam sektor pertanian dan industri asas tani, pembuatan dan perkhidmatan
  - D memberikan tumpuan khusus kepada pembangunan sumber manusia untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan serta mempertingkatkan produktiviti dan daya saing
- S46** Di Malaysia, badan yang bertanggungjawab menjaga hak asasi manusia tanpa mengira kaum ialah
- A Persatuan Hak Asasi Manusia
  - B Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
  - C Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
  - D Suruhanjaya Kehakiman Malaysia

- S47** Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan *top-down* dan *bottom-up* dalam usaha memelihara keharmonian hubungan etnik?
- A Kerajaan berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
  - B Masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
  - C Kerajaan, Swasta dan masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
  - D Swasta, Badan bukan kerajaan dan masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
- S48** Manakah pendekatan terkini di dalam semangat kejiranan yang diamalkan dalam Rukun Tetangga?
- A Penduduk bekerjasama melakukan perkara berfaedah
  - B Anggota masyarakat berbangga dan sayang terhadap komuniti setempat
  - C Penduduk bertanggungjawab terhadap keamanan dan keharmonian setempat
  - D Masyarakat dibangunkan secara menyeluruh untuk mewujudkan perpaduan nasional
- S49** Jelaskan kepentingan pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat majmuk?
- A Mengikat ahli masyarakat melalui ciri-ciri kebudayaan dan aspirasi yang sama
  - B Memberi garis panduan bertingkah laku melalui nilai dan norma kepada ahli masyarakat
  - C Menyediakan sistem set interaksi yang baik kepada ahli masyarakat melalui cara berfikir dan bertindak
  - D Mengukur set penilaian untuk menjadi titik rujukan melalui persamaan pegangan dan ideologi kepada ahli masyarakat
- S50** “Peminjaman dan penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan kelompok lain. Biasanya, kelompok minoriti mempelajari dari kelompok dominan”
- Terjemahkan pernyataan di atas mengikut kaedah formula
- A  $A + B + C = A$
  - B  $A + B + C = D$
  - C  $A_i + B + C = A_i + B_i + C_i$
  - D  $A + B + C + A = A + B + C$

**S51** Aspek berikut merupakan kerumpunan Melayu **kecuali**

- A Ras
- B Bahasa
- C Pluraliti
- D Asal-USul

Soalan 52 berdasarkan Jadual 1

Jadual 1

Perkara		Peruntukan	
O	Perkara 3 (1)	X	Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan Islam ialah agama bagi Persekutuan Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Negara
P	Perkara 32 (1)	Y	
Q	Perkara 152 (1)	Z	

**S52** Padankan perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan peruntutannya

- A O:Y, P:Z dan Q:X
- B O:Y, P:X dan Q:Z
- C O:X, P:Z dan Q:Y
- D O:Z, P:X dan Q:Y

Soalan 53 berdasarkan Pernyataan 1

Pernyataan 1

- Etnik lain juga diberikan ruang dan peluang
- Hak sama rata; Perkara 8
- Hak pelajaran; Perkara 12
- Hak terhadap harta; Perkara 13

S53 Perkara-perkara yang dinyatakan pada pernyataan 1 di atas adalah bagi mengimbangi perkara berkaitan dengan \_\_\_\_\_ dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

- A Pemerintahan Beraja
- B Agama Islam sebagai agama persekutuan
- C Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- D Hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak

Soalan 54 berdasarkan Jadual 2

Jadual 2

Agensi		Fungsi	
O	FELDA	X	Penyelidikan pengeluaran dan pemasaran tanaman
P	RIDA	Y	Membuka petempatan dan meningkatkan taraf hidup
Q	MARDI	Z	Merancang pembangunan ekonomi masyarakat desa

S54 Padankan agensi kerajaan dengan fungsinya bagi memastikan kejayaan pembangunan di luar bandar

- A O:Z, P:X dan Q:Y
- B O:Y, P:X dan Q:Z
- C O:Z, P:Y dan Q:X
- D O:Y, P:Z dan Q:X

Soalan 55 berdasarkan Jadual 3

Jadual 3

Kumpulan Ras		Warna Kulit	
O	Mongoloid	T	Kelabu
P	Negroid	U	Merah
Q	Austroloid	V	Putih
R	Caucasoid	W	Hitam
S	American Indian	X	Kuning

**S55** Padankan kumpulan ras dan warna kulit

- A O:X, P:W, Q:U, R:V dan S:T  
 B O:X, P:W, Q:T, R:V dan S:U  
 C O:T, P:V, Q:T, R:U dan S:W  
 D O:V, P:X, Q:T, R:W dan S:U

**S56** Pilih pernyataan yang **tepat** sumbangan Perdana Menteri Kedua dan Keempat

	Perdana Menteri Kedua	Perdana Menteri Keempat
A	Menubuhkan Dasar Ekonomi Baru	Memperkenalkan Modal Insan
B	Menubuhkan Barisan Nasional	Menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran
C	Memperkenalkan Buku Merah	Memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur
D	Menubuhkan sistem Raja Berpelembagaan	Memperkenalkan Islam Hadhari



Soalan 57 berdasarkan Rajah 1

Rajah 1

Strategi Pelaksanaan

<b>Cabaran Z</b>	Hotline 8003040
	Segmen “Bersamamu” di TV3
	Rang Undang-undang keganasan Rumah Tangga 1955
	Yayasan Penyayang Malaysia (CARE)

**S57** Rajah 1 di atas merujuk kepada strategi pelaksanaan bagi cabaran Z yang menjadi salah satu cabaran yang terdapat di dalam Wawasan 2020

Cabaran Z dikaitkan dengan

- A pembinaan bangsa Malaysia yang bersatupadu
- B pembinaan masyarakat yang bermoral dan beretika
- C pemupukan dan pembinaan masyarakat yang makmur
- D pembinaan masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang

Soalan 58 berdasarkan Pernyataan 2


Pernyataan 2

Alternatif untuk memupuk perpaduan dengan membina dua dan tiga sekolah rendah baru yang berlainan bahasa pengantar dan pentadbiran dalam kawasan yang sama serta berkongsi kemudahan asas

**S58** Apakah bentuk sekolah berdasarkan pernyataan 2 di atas?

- A Sekolah Bestari
- B Sekolah Wawasan
- C Sekolah Bersepadu
- D Sekolah Kebangsaan

Soalan 59 berdasarkan Rajah 2



**S59** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep tahap integrasi yang diwakili oleh Y pada rajah 2 di atas?

- A proses pencantuman dari segi biologi
- B proses mempertahankan kepelbagaian
- C penyerapan kebudayaan sesuatu masyarakat oleh kebudayaan dominan
- D peminjaman dan penerimaan unsur kebudayaan di kalangan kelompok lain

**S60** Pembentukan kebudayaan kebangsaan Malaysia adalah berdasarkan unsur-unsur

- I Agama Islam
- II kebudayaan dan penduduk asal rantau ini
- III unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar
- IV penerapan dan penerimaan oleh masyarakat masa kini

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S61** Manakah di antara berikut terkandung dalam cabaran Wawasan 2020?

- I Mewujudkan satu bangsa bersatupadu
- II Mewujudkan sebuah masyarakat penyayang
- III Mewujudkan sebuah negara yang kaya dan makmur
- IV Mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama dari segi ekonomi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S62** Apakah ciri-ciri masyarakat pluralistik?

- I Memusnahkan pluraliti
- II Pemaksaan dan perbezaan
- III Kedatangan kuasa imperialis
- IV Menyerap kepelbagaian budaya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S63** Antara berikut yang manakah rancangan Malaysia yang terkandung di dalam Dasar Wawasan Negara?

- I Rancangan Malaysia Ke 5
- II Rancangan Malaysia Ke 6
- III Rancangan Malaysia Ke 7
- IV Rancangan Malaysia Ke 8

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

**S64** Antara peristiwa berikut, yang manakah boleh mengakibatkan pelucutan kewarganegaraan seseorang warganegara Malaysia?

- I Encik P memperoleh kewarganegaraan Australia
- II Cik S berkahwin dengan seorang warganegara Afrika Selatan
- III Encik R berkahwin dengan seorang warganegara Amerika Syarikat
- IV Encik Q menggunakan pasport Kanada sebagai dokumen perjalanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**S65** Susunan mengikut kronologi dalam usaha kerajaan mewujudkan perpaduan kaum melalui pendidikan ialah

- I Laporan Razak
- II Laporan Fenn Wu
- III Laporan Rahman Talib
- IV Dasar Pendidikan Kebangsaan

- A I, II, III dan IV
- B II, I, III dan IV
- C III, I, IV dan II
- D III, IV, I dan II

**S66** Penentangan terhadap Malayan Union merupakan reaksi spontan orang Melayu terhadap keputusan yang boleh menjejaskan hak dan *status quo* mereka. Di antara berikut, yang manakah menjelaskan maksud tersebut?

- I Kuasa Raja Melayu sangat terbatas
- II Penjajah mengukuhkan cengkaman mereka
- III Kuasa politik dan penguasaan ekonomi orang Melayu
- IV Orang Melayu khatir mereka menjadi kelompok minoriti

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

**S67** Pilih pernyataan yang **tepat** berkaitan perjuangan sentimen oleh parti-parti politik yang telah mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969

- I Desakan supaya kedudukan istimewa Melayu dikekalkan
- II Propaganda *Malaysian Malaysia* memancarkan sentimen perkauman yang bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia
- III Mempertahankan kewujudan sekolah berbilang aliran dan sekolah yang bercanggah dengan gagasan perpaduan kebangsaan
- IV Tuntutan mendaulatkan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi yang menggugat kedudukan bahasa kebangsaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D semua diatas

**S68** Bahasa Melayu didaulatkan sebagai Bahasa Kebangsaan negara Malaysia kerana bahasa Melayu

- I pernah berperanan sebagai *lingua franca* (sebagai perantaraan utama) dalam sektor politik, ekonomi dan sosial di Nusantara
- II mencapai taraf sebagai bahasa antarabangsa (merentasi rantau penutur aslinya) sejak abad ke-7 Masihi lagi, di samping bahasa Latin dan bahasa Sanskrit
- III mempunyai jumlah penutur yang keempat terbesar di dunia dan diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei
- IV mampu bertahan meskipun mendapat tekanan daripada kuasa imperialis Barat kerana sifat kedinamikan bahasa Melayu yang dapat menyerapkan bahasa-bahasa asing sekaligus memperkayakan kosa katanya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S69** Dari aspek manakah Dasar Ekonomi Baru memancarkan gagasan perpaduan kebangsaan?

- I Pengagihan kekayaan ekonomi secara adil supaya dapat dinikmati oleh rakyat pelbagai etnik
- II Penstrukturan semula peranan dan kegiatan ekonomi supaya corak ekonomi menjadi bersifat intergratif
- III Pemantapan sistem politik yang berteraskan kerjasama pelbagai etnik menerusi sebuah parti politik pelbagai etnik
- IV Pembangunan ekonomi dan pendidikan yang seimbang antara wilayah, negeri dan penduduk di bandar dengan luar bandar

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S70** Pilih pernyataan yang benar tentang corak hubungan etnik antara rumpun Melayu dengan masyarakat Cina dan India sebelum zaman Imperialisme Barat

- I Hubungan antara bangsa Melayu dengan Cina dan India telah terjalin sejak awal abad yang pertama masihi lagi
- II Kedatangan bangsa India dan Cina ke Nusantara diikat oleh kepentingan perdagangan, hubungan persahabatan dan interaksi kebudayaan yang harmonis
- III Proses asimilasi berlaku secara perlahan-lahan kerana pendatang berbangsa India dan Cina perlu hidup berdampingan dan berkekalan dengan penduduk peribumi
- IV Sesetengah daripada golongan pendatang berbangsa India dan Cina diberikan tempat dan peranan yang penting dalam aspek politik, ekonomi dan sosial oleh pemerintah-pemerintah peribumi

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas